

KERTAS PERMOHONAN KELULUSAN:

**MALAYSIAN CERTIFIED INSPECTOR OF SEDIMENT AND EROSION
CONTROL (MY-CISEC) TRAINING
&
CERTIFICATION EXAMINATION**

**PADA:
21 HINGGA 24 OKTOBER 2019**

**TEMPAT:
SUNWAY PUTRA HOTEL
KUALA LUMPUR**

**ANJURAN:
Pertubuhan Saliran Mesra Alam Malaysia /
Malaysian Stormwater Organisation (MSO)**

**KERTAS KERJA BAGI PERMOHONAN KELULUSAN MENGIKUTI
MALAYSIAN CERTIFIED INSPECTOR OF SEDIMENT AND EROSION CONTROL
(MY-CISEC) TRAINING & CERTIFICATION EXAMINATION**

ANJURAN:

Pertubuhan Saliran Mesra Alam Malaysia /
Malaysian Stormwater Organisation (MSO)
~~~~~

**1.0 LATAR BELAKANG KERTAS KERJA**

- 1.1 Kertas ini disediakan bagi memohon persetujuan dan kelulusan daripada Y.B Dato' Pegawai Kewangan Negeri Johor kepada Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Johor untuk bayaran yuran bagi mengikuti latihan dan peperiksaan bagi Malaysian Certified Inspector Of Sediment And Erosion Control (MY-CISEC) Training & Certification Examination.
- 1.2 Kerajaan Negeri Johor telah bersetuju kepada penggunaan garispanduan baru Manual Saliran Mesra Alam mulai 2001 bagi pengurusan air larian hujan dalam pembangunan tanah di Negeri Johor. Garispanduan ini menekankan kaedah pengawalan air di punca dalam membangunkan sesuatu kawasan perumahan, komersial, perindustrian dan lain-lain. Ini bertujuan bagi menangani masalah banjir kilat dan potensi berlakunya banjir bagi sesesuai kawasan akibat pembangunan tanah yang begitu pesat di Johor.
- 1.3 Peranan JPS bagi memastikan pihak pemaju melalui jurutera perunding bertaualiah dilantik adalah untuk memastikan kesesuaian cadangan Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak (Erosion and Sediment Control Plan – ESCP) dan mengadakan langkah-langkah kawalan hakisan dan kelodak sebagaimana yang dicadangkan dalam pelan-pelan ESCP yang dikemukakan. Pemantauan pematuhan kepada syarat-syarat Jabatan adalah melalui Program Ops Lumpur iaitu memastikan perlaksanaan kerja kawalan hakisan dan kelodak melalui pelan ESCP yang diluluskan adalah berkesan.

- 1.4 Justeru, dalam usaha Jabatan keatas pemantauan pematuhan kepada syarat-syarat kelulusan ESCP ini dilaksanakan dengan lebih baik, teratur dan berkesan adalah dengan menghantar pegawai yang bersesuaian untuk menghadiri kursus dan peperiksaan bagi meningkatkan kemahiran dan kepakaran masing-masing.
- 1.5 JPS Johor telah mempunyai seorang pegawai yang telah diiktiraf menjadi Malaysian Certified Inspector Of Sediment And Erosion Control (MY-CISEC) dan perkhidmatan MY-CISEC ini telah didaftarkan dan boleh di layari di laman web <https://www.cisecinc.org> untuk maklumat lanjut seperti **Lampiran D**.

## **2.0 OBJEKTIF PROGRAM**

- 2.1 Menambah ilmu pengetahuan dan meningkatkan kecekapan pegawai JPS dalam melaksanakan pemantauan ke atas pematuhan Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak yang diluluskan diperingkat *One Stop Center* Pihak Berkuasa Tempatan.

## **3.0 SASARAN**

- 3.1 Sasaran Peserta : Jurutera Daerah dan Penolong Jurutera  
Rujuk **Lampiran B** Senarai Peserta  
Rujuk **Lampiran C** Jadual Program MY-CISEC
- 3.2 Tarikh : 21 - 24 Julai Oktober 2019 (Isnin hingga Khamis)
- 3.3 Tempat : Sunway Putra Hotel, Kuala Lumpur

## **4.0 IMPLIKASI KEWANGAN**

### **4.1 BAYARAN YURAN LATIHAN DAN PEPERIKSAAN :**

RM 3,110.00 (NON-MEMBERS MSO] x 3 orang = RM 9,330.00

**Jumlah Kecil = RM 9,330.00**

**JUMLAH KESELURUHAN 4.0 RM9,330.00**

## **5.0 PERMOHONAN**

Dengan segala hormatnya Jabatan ingin memohon kelulusan YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Johor untuk bayaran yuran bagi mengikuti latihan dan peperiksaan bagi Malaysian Certified Inspector Of Sediment And Erosion Control (MY-CISEC) Training & Certificate of Examination oleh Pertubuhan Saliran Mesra Alam Malaysia menggunakan **Peruntukan B.08 / Aktiviti 100100 / PTJ 18100100 dengan kos keseluruhan sebanyak RM 9,330.00 (Ringgit Malaysia : Sembilan Ribu Tiga Ratus Tiga Puluh Sahaja).**

## **6.0 PENUTUP**

Semoga dengan menghadiri latihan dan peperiksaan ini mampu meningkatkan kecekapan pegawai JPS dalam membuat pemantauan ke atas pematuhan Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak dan mampu mencapai matlamat dan objektif yang dirancang oleh Jabatan.

***Disediakan oleh:  
Bahagian Saliran Mesra Alam  
Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Johor  
Tarikh: 11 September 2019***

**LAMPIRAN B – SENARAI PESERTA**

Tajuk : MALAYSIAN CERTIFIED INSPECTOR OF SEDIMENT AND EROSION  
CONTROL (MY-CISEC) TRAINING & CERTIFICATION EXAMINATION

Tarikh : 21 hingga 24 Oktober 2019 (Isnin hingga Khamis)

Tempat : Sunway Putra Hotel, Kuala Lumpur

| Bil. | Nama                           | Jawatan /<br>Gred Jawatan |      | PEJABAT                                           |
|------|--------------------------------|---------------------------|------|---------------------------------------------------|
| 1.   | Encik Asnawi Bin Sulaiman      | Jurutera Daerah           | J48  | Batu Pahat                                        |
| 2.   | Puan Norariffazilla Bte Ahmad  | Penolong Jurutera         | JA36 | Bahagian<br>Saliran<br>Mesra<br>Alam JPS<br>Johor |
| 3.   | Encik Mohamad Hanis Bin Razali | Penolong Jurutera         | JA29 |                                                   |